

# 'Terima kasih PM'

UM - 22/5/2007.

**SAYA** bersyukur dan menadah tangan tanda terima kasih dengan keputusan kerajaan yang memang dinanti-nantikan oleh semua rakyat negara ini. - **Pembantu tadbir kerani, Zainab Osman, 43.**

CUEPACS akhirnya berjaya membela nasib pekerja awam dan semoga ia tidak disusuli dengan kenaikan harga barang keperluan lain. - **Juruaudit Dalam Majlis Amanah Rakyat (Mara), Mohd Salleh Abdullah, 43.**

Kenaikan ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pekerja bawahan. Saya tak jangkakan kenaikan yang begitu baik kerana sebelum ini terlalu banyak spekulasi yang timbul. Terima kasih kerajaan. - **Pembantu am rendah, V.Thiagu, 45.**

Kenaikan ini merupakan hadiah terbaik kepada saya yang akan bersara tidak lama lagi. Kerajaan prihatin dengan kemahuan kakitangan kerajaan. Bagaimanapun, saya amat berharap para peniaga tidak mengambil kesempatan atas kenaikan gaji ini. - **Kerani pejabat kerajaan, Chong Eh Chai, 54.**

Kami pekerja sektor awam sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik dan dengan adanya kenaikan gaji ini kami akan memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan terbaik. - **Ketua Aktiviti Pentadbiran Balai Polis Lebu Pantai, Sarjan Masitah Maidin, 38.**

Alhamdulillah, terima kasih kerajaan. Kami memang tidak menjangka mendapat kenaikan gaji yang begitu baik ini. Kami berjanji akan bekerja dengan lebih bersemangat lagi. - **Kakitangan Mahkamah Syariah, Hamizan Mohd. Nor, 30.**

Kepada para peniaga kami amat berharap mereka tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan ekoran kenaikan gaji ini. - **Kakitangan mahkamah Seremban, Amirul Adam Ahmad, 25.**

Melalui kenaikan ini sebolehnya saya akan cuba untuk menambah simpanan saya sebagai bekalan hari depan. Saya cukup gembira kerana walaupun baru bekerja setahun lebih saya sudah mampu merasai nikmat ini. - **Kakitangan Majlis Perbandaran Seremban (MPS), Adila**



**KAKITANGAN** awam bertepuk tangan gembira apabila Perdana Menteri mengumumkan kenaikan gaji sektor awam pada majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2007 Sektor Awam di PICC, Putrajaya, semalam.

- Gambar **ABDUL NAZIR MOHAMED**

**Baharum, 23.**

Saya amat-amat berterima kasih kepada Perdana Menteri atas keberanian beliau memenuhi tuntutan sektor awam yang sudah terlalu lama menantikan kenaikan gaji. Kami akan membayar balik jasa beliau dengan meningkatkan mutu sistem penyampaian agar mencapai taraf lima bintang. - **Pengarah Pe-**

**nguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, Md. Nawawi Ab. Rahman, 48.**

Ia satu langkah positif. Sekurang-kurangnya ia dapat meringan beban kami dan secara tidak langsung membolehkan kami membantu keluarga di kampung. - **Pembantu Penguat Kua-**

**sa KPDNHEP Pulau Pinang, N. Jesuthasen, 21.**

Saya sangat gembira dengan berita kenaikan gaji ini. Terima kasih banyak-banyak kepada kerajaan Malaysia terutama kepada Perdana Menteri kerana kepekaan dan keprihatinannya terhadap pekerja sektor awam. - **Penolong Pengarah Kanan Kastam, Bahagian Cukai Dalam Pulau Pi-**

**nang, Teh Teong Hong, 47.**

Kenaikan ini merupakan hadiah terbaik kepada kakitangan kerajaan yang telah bertungkus lumus menjayakan dasar-dasar kerajaan selama ini. Ia perlu dijadikan perangsang untuk mereka terus memberikan perkhidmatan terbaik. - **Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Kuala Pilah, Kamanizam Tindek, 40.**

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YASAN  
PINAN  
DANA